

Pengaruh Personaliti Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar di Sabah

Effect of Personality on the Emotional Intelligence of Rural Students in Sabah

Open
Access

Jusiah Idang¹, Melissa Edora Sanu¹, Sabariah Sharif¹, Murnizam Halik¹, Puteri Hayati Megat Ahmad¹

¹ Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

ABSTRACT

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pengaruh trait personaliti terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar luar bandar di Sabah. Kajian ini melibatkan 440 orang pelajar. Pelajar yang terlibat adalah berumur 13 hingga 18 tahun. Social Emotional Assets and Resilient Scales (SEARS) dan Big Five Inventory digunakan bagi mengukur kecerdasan emosi dan personaliti pelajar. Keputusan menunjukkan empat personaliti iaitu extraversion ($\beta = .169, k < .05$), agreeableness ($\beta = .352, k < .05$), openness to experience ($\beta = .361, k < .05$) dan conscientiousness ($\beta = .297, k < .05$) mempengaruhi kecerdasan emosi secara positif. Keputusan ini juga menunjukkan neurocitism ($\beta = -.019, k > .05$) tidak mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar luar bandar. Selain itu, ujian t-test mendapati terdapat perbezaan neurocitism ($t(438) = -4.532, k < .05$) antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki ($M = 31.76$) didapati lebih dominan dalam trait neurocitism berbanding pelajar perempuan ($M = 28.54$). Kajian ini menyediakan maklumat pada pelbagai pihak terutamanya pelajar, ibubapa, guru-guru, penyelidik mahupun pihak berwajib tentang pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar luar bandar.

This study was conducted to identify the influence of personality traits on emotional intelligence among rural students in Sabah. This study involved 440 students. The students involved are 13 to 18 years old. Social Emotional Assets and Resilient Scales (SEARS) and the Big Five Inventory are used to measure students' emotional intelligence and personality. Results show four personality traits: extraversion ($\beta = .169, k < .05$), agreeableness ($\beta = .352, k < .05$), openness to experience ($\beta = .361, k < .05$) and conscientiousness ($\beta = .297, k < .05$) positively affected emotional intelligence. These results also indicate that neurocitism ($\beta = -.019, k > .05$) did not affect the emotional intelligence of rural students. In addition, t -tests revealed that there was a difference in neurocitism ($t(438) = -4.532, k < .05$) between male and female students. Male students ($M = 31.76$) were found to be more dominant in the trait of neurocitism than female students ($M = 28.54$). This study provides information to various parties, especially students, parents, teachers, researchers and authorities on the effect of personality on rural students' emotional intelligence.

Keywords:

Personaliti; kecerdasan emosi; pelajar;
luar bandar; SEARS
Personality; emotional intelligence;
students; rural areas; SEARS

Copyright © 2020 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Kesihatan mental semakin mendapat perhatian dunia pada ketika ini berikutan peningkatan kes kemurungan dan bunuh diri dalam kalangan masyarakat dunia. Kajian terkini PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA menyatakan seramai 450 juta individu di dunia mengalami gangguan mental [1]. Dianggarkan 1 daripada 4 individu mengalami gangguan mental seketika dalam kehidupan mereka dan 4.3 peratus adalah disebabkan oleh kemurungan. Di Malaysia, KAJIAN KESIHATAN DAN MORBIDITI KEBANGSAAN melaporkan masalah kesihatan mental masyarakat berumur 16 tahun ke

atas adalah 29.2 peratus iaitu dianggarkan seramai 4.2 juta orang [2]. Selain itu, kajian terkini Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati satu daripada lima remaja mengalami kemurungan, dua dari lima pula mengalami kebimbangan dan 1 dari 10 tekanan yang dilaporkan tertekan [3]. Di samping itu, dalam kajian itu juga menunjukkan negeri Sabah mencatatkan kebarangkalian kebimbangan tertinggi, manakala kemurungan dan tekanan berada di tangga kedua tertinggi selepas Selangor. Selain itu, Sabah dan Labuan juga mencatatkan prevalens tertinggi iaitu 42.9% diikuti oleh WP Kuala Lumpur (39.8%) dan Kelantan (39.1%). Peningkatan ini begitu membimbangkan dan antara faktor yang mungkin menyumbang kepada peningkatan ini adalah masalah kewangan, masalah keluarga seperti perceraian dan faktor persekitaran [2]. Hal ini akan bertambah buruk lagi jika seseorang kurang kemahiran berdaya tindak dan sokongan sosial. Statistik ini menunjukkan keadaan semakin membimbangkan dalam kalangan remaja atau pelajar di negara ini.

Pelajar pada alaf ini semakin terdedah pada tekanan, keresahan dan ketidakbahagiaan yang menjejaskan kesihatan mental mereka [4]. Namun begitu, kajian ini melibatkan pelajar luar bandar dengan mengambil kira latar belakang pelajar yang mengalami pelbagai jenis tekanan hidup termasuklah kemiskinan [5]. Kemiskinan mempengaruhi banyak aspek lain dalam kehidupan seperti persekolahan, personaliti, keluarga, tingkah laku dan persepsi [6]. Justeru, bagi mengangani masalah ini, kecerdasan emosi amat diperlukan sebagai daya tindak supaya tidak menjejaskan kesihatan mental pelajar. Kecerdasan emosi dapat membantu individu mengenalpasti emosi diri sendiri dan orang lain, serta menggunakan informasi yang diperolehi untuk membimbing pemikiran dan tingkahlaku rasional sebagai panduan untuk membuat sesuatu keputusan [7].

Pembentukan kecerdasan emosi yang cemerlang dalam kalangan remaja dan pelajar adalah satu langkah yang holistik dalam membentuk mental yang sihat. Kajian terdahulu menyokong kecerdasan emosi mempengaruhi banyak aspek dalam kehidupan individu termasuklah, kesihatan mental [8]; [9], manakala individu yang memiliki kecerdasan emosi yang rendah pula dikaitkan dengan perkara negatif seperti peningkatan kadar penyalahgunaan bahan terlarang, risiko bunuh diri [10] dan lain-lain tindakan negatif. Oleh itu, bagi meningkatkan kesihatan mental pelajar, kecerdasan emosi perlu dibentuk terlebih dahulu.

Namun begitu, proses pembentukan kecerdasan emosi, perlulah bermula dengan pembentukan personaliti [11]. Oleh itu, program perkembangan personaliti adalah langkah awal dalam penambahbaikan personaliti dan kemahiran emosi pelajar. Mengambil kira kesan trait personaliti keatas kecerdasan ini, kajian ini dijalankan bagi membantu pelajar sendiri termasuk pihak sekolah dan guru dalam membentuk personaliti yang diperlukan dalam meningkatkan kecerdasan emosi dan seterusnya kesihatan mental pelajar luar bandar.

Personaliti terbahagi kepada 5 dimensi iaitu *neuroticism*, *extraversion*, *openness*, *agreeableness* dan *conscientiousness* [12]. *Neuroticism* mempunyai kecenderungan pada kebimbangan, tekanan, kesedaran sendiri, permusuhan, mengikut gerak hati, sifat malu, pemikiran tidak logik, kemurungan dan penghargaan sendiri yang rendah [13]. *Extraversion* pula adalah kecenderungan pada positif, tegas, aktif, murah hati dan mudah bersosial. *Openness to experience* adalah kecenderungan pada perasaan ingin tahu, boleh menyesuaikan diri, berfikiran terbuka, dan kreatif. *Agreeability* adalah kecenderungan untuk memaafkan, baik hati, pemurah, boleh dipercayai, simpati, mudah bersetuju, sanggup berkorban dan patuh manakala *conscientiousness* adalah kecenderungan untuk mengurus, efisien, boleh dipercayai, boleh mengawal hawa nafsu, menunjukkan perubahan, dan rasional.

Pelbagai dapatan yang dilaporkan oleh kajian terdahulu mengenai hubungan dan pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi [14-16] namun kurang maklumat mengenai dua pembolehubah ini dalam konteks pelajar luar bandar di Malaysia amnya dan Sabah khususnya.

2. Kajian Literatur

Kajian-kajian luar negara telah banyak dijalankan untuk meninjau sejauh manakah tret personaliti seperti *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism* berhubung kait dengan kecerdasan emosi. Namun begitu, kurang kajian yang dijalankan melibatkan pelajar luar bandar. Sebuah kajian mengkaji tentang hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti dalam kalangan pekerja di Belanda telah menunjukkan bahawa *Neuroticism* adalah korelasi yang paling kukuh dengan kecerdasan emosi diikuti dengan *Extraversion*, *Conscientiousness*, *Agreeableness* dan *Openness to experience* [17]. Selain itu, dalam kajian lain menemukan korelasi yang kukuh antara personaliti *Conscientiousness* dengan kecerdasan emosi dalam kalangan guru sekolah fizik [18]. Sementara itu, kajian Athota pula, yang dijalankan ke atas 131 pekerja dari Universiti *Wollongong* juga telah menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Extraversion*, *Openness to experience*, *Agreeableness* dan *Neuroticism* [19].

Berdasarkan kajian-kajian sebelumnya, jelas menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih kurang kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar di Sabah. Justeru, kajian ini akan dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar.

3. Objektif Kajian

1. Menenalpasti pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar luar bandar di Sabah
2. Menenalpasti perbezaan personaliti dan kecerdasan emosi pelajar luar bandar mengikut jantina

4. Metodologi Kajian

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan aspek perancangan yang penting dalam melaksanakan sesebuah kajian kerana melibatkan aspek penyusunan atur, pengumpulan dan penganalisan data yang menjurus kepada matlamat sesuatu kajian [20]. Reka bentuk kajian adalah tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian perhubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian [21]. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk *cross sectional* atau tinjauan soal selidik (kuantitatif). Reka bentuk keratan rentas adalah satu atau lebih sampel dipilih daripada populasi pada suatu masa tertentu. Reka bentuk ini sesuai bagi kajian ini kerana dapat menilai personaliti dan kecerdasan emosi pelajar luar bandar pada masa ini.

4.2 Subjek Kajian

Responden kajian adalah pelajar luar bandar di beberapa daerah di negeri Sabah seramai 440 orang yang berumur 13 hingga 18 tahun. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah yang terpilih.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah *Social Emotional Assets and Resilience Scale (SEARS)* [22] bagi kategori remaja dan *Big Five Personality test* [23]. Penggunaan alat kajian ini kerana kedua-dua alat kajian masih kurang digunakan dalam mengenalpasti hubungan dan pengaruh personaliti dan

kecerdasan emosi. Personaliti Big Five merangkumi lima dimensi iaitu *Openness to experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Kecerdasan emosi pelajar diukur melalui penilaian sendiri yang merangkumi empat skala iaitu *self-regulation*, *empathy*, *social competence*, dan *responsibility*. Semakin tinggi skor yang diperoleh oleh individu, semakin tinggi kecerdasan emosi responden dan sebaliknya semakin rendah skor yang diperoleh, semakin rendah kecerdasan emosi.

4.4 Analisis Data

Analisis deskriptif dan inferensi (regresi mudah) menggunakan pengaturcaraan komputer IBM SPSS “*International Business Machines Statistical Package For Social Science*” version 20.0 digunakan untuk menganalisis data kajian.

5. Dapatan Kajian

Hasil analisis deskriptif menunjukkan responden perempuan mewakili 64.5% (284) berbanding responden lelaki 35.5% (156). Purata umur bagi subjek adalah 15.50 (SP=1.319).

Jadual 1

Latar Belakang Responden Kajian (N= 440)

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	156	35.5
Perempuan	284	64.5
Umur	Min 15.50	Sisihan Piawai 1.319

5.1 Pengaruh Personaliti terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar

Analisis regresi mudah menunjukkan empat jenis personaliti mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar iaitu *Extraversion* ($\beta = .169, k < .05$), *Agreeableness* ($\beta = .352, k < .05$), *Conscientiousness* ($\beta = .297, k < .05$), *Openness to experience* ($\beta = .361, k < .05$) memberi pengaruh yang positif terhadap kecerdasan emosi. Manakala *neuroticism* ($\beta = -.019, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh terhadap kecerdasan emosi pelajar.

Extraversion boleh menerangkan secara signifikan sebanyak 2.9% daripada varians dalam pembolehubah terikat (kecerdasan emosi) ($F_{(1,438)} = 12.938, k < .01$). Selain itu, *agreeableness* turut menyumbang daripada varians kecerdasan emosi ($F_{(1,438)} = 62.071, k < .01$) sebanyak 12.4%, *conscientiousness* ($F_{(1,438)} = 42.374, k < .01$) sebanyak 8.8%, dan *openness to experience* ($F_{(1,438)} = 65.772, k < .01$) 13.1%. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan pelajar yang mempunyai personaliti yang positif mempengaruhi kecerdasan emosi mereka. Namun begitu, personaliti *neuroticism* tidak mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar luar bandar.

Jadual 2

Keputusan Analisis Regresi Mudah Bagi Personaliti terhadap kecerdasan emosi Pelajar

Personaliti			Beta	t	Sig.
<i>Extraversion</i>			.169	3.597	.000**
	Malar	24.48			
	R ²	.029			
	F	12.938			
	Sig.	.000			
<i>Agreeableness</i>			.352	7.879	.000**
	Malar	28.429			
	R ²	.124			
	F	62.071			
	Sig.	.000			
<i>Conscientiousness</i>			.297	6.510	.000**
	Malar	28.351			
	R ²	.088			
	F	42.374			
	Sig.	.000			
<i>Neuroticism</i>			-.019	-.391	.696
	Malar	30.294			
	R ²	.000			
	F	.153			
	Sig.	.696			
<i>Openness to experience</i>			.361	8.110	.000
	Malar	24.392			
	R ²	.131			
	F	65.772			
	Sig.	.000			

5.2 Perbezaan Personaliti dan Kecerdasan Emosi mengikut Jantina Pelajar

Selain itu, hasil ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan bagi kecerdasan emosi $t_{(338)} = 1.021$, $k > .05$, *extraversion* $t_{(338)} = 0.358$, $k > .05$, *agreeableness* $t_{(338)} = -0.477$, $k > .05$, *conscientiousness* $t_{(338)} = -1.534$, $k > .05$ dan *openness to experience* $t_{(338)} = 0.455$, $k > .05$ antara pelajar perempuan dan lelaki. Namun begitu, keputusan menunjukkan, terdapat perbezaan *neuroticism* $t_{(338)} = -4.532$, $k < .05$ antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki ($M = 31.76$) mencatatkan nilai min yang tinggi berbanding pelajar perempuan ($M = 28.54$).

Jadual 3

Keputusan ujian-t bagi Perbezaan Kecerdasan Emosi dan Personaliti antara Lelaki dan Perempuan

Pembolehubah Terikat	Pembolehubah Bebas	N	Min	S.P	t	Sig.
Kecerdasan Emosi	Lelaki	156	62.54	15.24	1.021	.308
	Perempuan	284	63.97	13.41		
<i>Extraversion</i>	Lelaki	156	28.16	4.40	.358	.720
	Perempuan	284	28.34	5.27		
<i>Agreeableness</i>	Lelaki	156	35.72	4.30	-.477	.438
	Perempuan	284	35.50	4.62		
<i>Conscientiousness</i>	Lelaki	156	35.99	5.37	-1.534	.126
	Perempuan	284	35.18	5.27		
<i>Neuroticism</i>	Lelaki	156	31.76	6.44	-4.532	.000
	Perempuan	284	28.54	7.51		
<i>Openness to experience</i>	Lelaki	156	32.17	4.90	.455	.649
	Perempuan	284	32.39	4.85		

6. Perbincangan

6.1 Pengaruh Personaliti terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar

Keputusan menunjukkan pengaruh yang positif antara personaliti *extraversion*, *openness*, *agreeableness* dan *conscientiousness* dengan kecerdasan emosi. Namun sebaliknya bagi personaliti *neuroticism* didapati tidak terdapat pengaruh terhadap kecerdasan emosi. Keputusan ini bermakna personaliti yang positif atau penggunaan *mood* yang positif merupakan faktor pada pembentukan kecerdasan emosi, namun pada masa yang sama personaliti yang negatif tidak mempengaruhi kecerdasan emosi. Ini bermakna perasaan kebimbangan, tekanan, permusuhan, malu, kemurungan dan penghargaan sendiri yang rendah tidak menjejaskan kecerdasan emosi pelajar luar bandar. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas yang menemukan hubungan trait personaliti *extraversion*, *openness*, *agreeableness* dan *conscientiousness* dengan kecerdasan emosi [15,24]. Kajian ini mendapati *openness to experience* adalah faktor yang paling tinggi dalam mempengaruhi kecerdasan emosi. Dapatan ini berbeza dengan kajian lepas kerana mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang dialami oleh pelajar luar bandar yang terdedah kepada pelbagai jenis situasi.

Selain itu, pengaruh *openness to experience*, *extraversion*, *agreeableness* dan *conscientiousness* terhadap kecerdasan emosi juga boleh diterangkan melalui kesinambungan antara faktor yang terdapat dalam kecerdasan emosi seperti penyesuaian emosi dan perasaan, pelaksanaan dan penilaian emosi yang efisien, dengan ciri-ciri yang terdapat dalam personaliti *agreeableness*, dan *conscientiousness* yang membawa pada korelasi dan pengaruh antara subskala [25]. Tambahan lagi, penyesuaian *mood* dikatakan faktor penting yang mempengaruhi kecerdasan emosi [26]. Oleh itu, jika penyesuaian *mood* pelajar adalah baik, maka kecerdasan emosi pelajar juga akan baik.

Dapatan ini juga menerangkan, pelajar yang memiliki personaliti *extraversion* yang dominan adalah seorang yang murah hati, aktif, tegas dan cenderung memiliki emosi positif. Ciri-ciri ini

menjadi pemangkin pada pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Individu yang memiliki personaliti *extraversion* cenderung memiliki kecerdasan emosi yang baik dan mempunyai kebolehan *interpersonal* dan interaksi sosial [27].

Pelajar yang memiliki personaliti *openness to experience* yang dominan pula cenderung pada perasaan ingin tahu, kebolehan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi, kreatif dan paling penting adalah berfikiran terbuka. Ini menjelaskan bahawa, pelajar bersedia pada sebarang kemungkinan dan memiliki banyak pengalaman hidup susah mahupun senang berbanding personaliti lain. Pengalaman ini akhirnya membentuk kecerdasan emosi pelajar iaitu bijak dari segi persepsi, ekspresi, pemahaman dan pengurusan emosi diri dan orang lain.

Selain itu, pelajar mempunyai personaliti *agreeableness* memiliki sifat yang patuh, sanggup berkorban, pemurah, simpati, pemaaf, baik hati, boleh dipercayai dan terbuka pada idea baru. Pelajar personaliti ini dikatakan *fleksible* dalam pelbagai situasi dan mudah mempelajari benda baru [27]. Ciri-ciri ini menunjukkan pelajar ini memiliki emosi yang baik dan dapat mengawal dan mengubah emosi negatif pada positif dalam masa yang singkat. Ciri ini berkesinambungan dengan skala kecerdasan emosi iaitu pengurusan emosi. Akhir sekali, pelajar yang memiliki *conscientiousness* pula mempunyai daya kawalan diri yang tinggi iaitu berkebolehan mengurus kehidupan, efisien, boleh dipercayai, bijak mengawal hawa nafsu, dan rasional. Ciri-ciri ini juga berkesinambungan dengan skala kecerdasan emosi pengurusan emosi.

6.2 Perbezaan Personaliti dan Kecerdasan Emosi mengikut Jantina Pelajar

Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi dan majoriti personaliti pelajar mengikut jantina. Namun terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam trait personaliti *neurocitism*. Berbeza dengan dapatan kajian terdahulu kebanyakannya bersetuju bahawa perempuan tinggi dalam personaliti *neurocitism* berbanding pelajar lelaki [28]. Namun dapatan mendapati bahawa pelajar lelaki memiliki personaliti *neurocitism* lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh pemilihan daya tindak yang sesuai oleh pelajar perempuan seperti mencari sokongan sosial dan mengekspresi emosi (menangis), berbanding pelajar lelaki yang memendam perasaan. Selain itu juga, personaliti ini mungkin juga dipengaruhi oleh sumber tekanan yang lebih berat dialami oleh pelajar lelaki berbanding perempuan luar bandar. *Neurocitism* dipersetujui berhubung kait dengan tekanan hidup [29,30].

7. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar luar bandar di Sabah. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat, pihak sekolah khususnya dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya dalam membantu merangka program pembentukan personaliti yang sesuai dan berguna untuk pelajar. Selain itu, kecerdasan emosi juga penting kepada pelajar luar bandar dalam membantu mengharungi kehidupan yang semakin mencabar kerana sesungguhnya golongan pelajar bukan sahaja harapan keluarga untuk keluar daripada belunggu kemiskinan tetapi juga merupakan aset penting dalam membangunkan negara.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah mendapat dana pembudayaan penyelidikan (RAGS) berupa *grant* daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (RAG0057-SSI-2014).

Rujukan

- [1] World Health Statistic. (2015). WHO Library Cataloguing-in-Publication Data, ISBN 97892 40694439
- [2] National Health and Morbidity Survey. (2015). Non-communicable diseases, risk factors and other health problem volume 2. NMRR-14-1064-21877
- [3] Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan. 2017. 1 september 2018 dalam lamansesawang <http://www.iku.gov.my/index.php/research-eng/list-of-research-eng/iku-eng/nhms-eng/nhms-2017>
- [4] Pierceall, Emily A., and Marybelle C. Keim. "Stress and coping strategies among community college students." *Community College Journal of Research and Practice* 31, no. 9 (2007): 703-712.
- [5] Melissa Edora Sanu & Balan Rathakrishnan. (2019). Strategi daya tindak sebagai mediator dalam hubungan kecerdasan emosi dan kesejahteraan psikologi pelajar miskin luar bandar Sabah. *Journal of Advance Research in Social and Behavioral Sciences*, 14(1), 9-15.
- [6] Wilkins, A. J., M. J. O'callaghan, J. M. Najman, W. Bor, G. M. Williams, and G. Shuttlewood. "Early childhood factors influencing health-related quality of life in adolescents at 13 years." *Journal of paediatrics and child health* 40, no. 3 (2004): 102-109.
- [7] Mayer, John D., and Peter Salovey. "The intelligence of emotional intelligence." (1993): 433-442.
- [8] Martins, Alexandra, Nelson Ramalho, and Estelle Morin. "A comprehensive meta-analysis of the relationship between emotional intelligence and health." *Personality and individual differences* 49, no. 6 (2010): 554-564.
- [9] Ramya, S. "Relationship between emotional intelligence and psychological well being among young adult." *International Journal of Indian Psychology. ISSN* (2011): 2348-5396.
- [10] Shiner, Rebecca L., Ann S. Masten, and Jennifer M. Roberts. "Childhood personality foreshadows adult personality and life outcomes two decades later." *Journal of personality* 71, no. 6 (2003): 1145-1170.
- [11] Alghamdi, Nawal G., Muhammad Aslam, and Khushnoor Khan. "Personality Traits as Predictor of Emotional Intelligence among the University Teachers as Advisors." *Education Research International* 2017 (2017).
- [12] McCrae, Robert R., and Paul T. Costa. "Validation of the five-factor model of personality across instruments and observers." *Journal of personality and social psychology* 52, no. 1 (1987): 81.
- [13] McCrae, Robert R., and Oliver P. John. "An introduction to the five-factor model and its applications." *Journal of personality* 60, no. 2 (1992): 175-215.
- [14] Shulman, Tirza E., and Scott H. Hemenover. "Is dispositional emotional intelligence synonymous with personality?." *Self and identity* 5, no. 02 (2006): 147-171.
- [15] Nawi, Nurul Hudani Md. "Inter relationship between emotional intelligence and personality trait of educator leaders." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 2, no. 5 (2012): 223..
- [16] Beshart, Muhammad Ali. "The relationship between emotional intelligence and self-efficacy and academic success." *Education Renovation Journal* 2, no. 10 (2010): 1-10.
- [17] Petrides, K. Vernon, P. A. Vernon, J. A. Schermer, L. Ligthart, D. I. Boomsma, and L. Veselka. "Relationships between trait emotional intelligence and the Big Five in the Netherlands." *Personality and Individual Differences* 48, no. 8 (2010): 906-910.
- [18] Tok, Serdar, and Suleyman Morali. "Trait emotional intelligence, the big five personality dimensions and academic success in physical education teacher candidates." *Social Behavior and Personality: an international journal* 37, no. 7 (2009): 921-931.
- [19] Athota, V. Sagar, Peter J. O'connor, and C. Jackson. "The role of emotional intelligence and personality in moral reasoning." (2009).
- [20] Creswell, J. W. 2005. *Education research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Pearson Education.
- [21] Kerlinger, F. N. 1986. *Foundations of behavior research* (3rd ed.) New York, NY: Harcourt Brace.
- [22] Merrell, K. W. "Social emotional assets and resilience scales: SEARS [Powerpoint Slides]." (2011).
- [23] Costa Jr, P. T., and R. R. McCrae. "NEO PI-R. Professional Manual. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources." (1992).
- [24] Sala, Fabio. "Emotional competence inventory: Technical manual." *Philadelphia, PA: McClelland Center For Research, HayGroup* (2002).
- [25] Ghiabi, Bibinaz, and Mohammad Ali Besharat. "An investigation of the relationship between Personality dimensions and emotional intelligence." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 30 (2011): 416-420.
- [26] Bar-On, Reuven. "Bar-On Emotional Quotient Inventory (EQ-i): Technical manual. Toronto: Multi-Health Systems." *The handbook of emotional intelligence. San Francisco: Jossey-Bass* (1997).
- [27] Matthews, Gerald, Amanda K. Emo, Gregory Funke, Moshe Zeidner, Richard D. Roberts, Paul T. Costa Jr, and Ralf Schulze. "Emotional intelligence, personality, and task-induced stress." *Journal of Experimental Psychology: Applied* 12, no. 2 (2006): 96.

-
- [28] Costa Jr, Paul T., Antonio Terracciano, and Robert R. McCrae. "Gender differences in personality traits across cultures: robust and surprising findings." *Journal of personality and social psychology* 81, no. 2 (2001): 322.
- [29] Klein, Daniel N., C. Emily Durbin, and Stewart A. Shankman. "Personality and mood disorders." *Handbook of depression 2* (2009): 93-112.
- [30] Kendler, Kenneth S., C. O. Gardner, and C. A. Prescott. "Personality and the experience of environmental adversity." *Psychological medicine* 33, no. 7 (2003): 1193-1202.